

# Mahasiswa perlu jadi contoh terbaik generasi muda

UB 12.12.2011 A9

KOTAKINABALU: Golongan mahasiswa perlu memberikan contoh terbaik kepada generasi muda di negara ini melalui bekalan ilmu pengetahuan yang mereka pelajari yang bakal menjadikan mereka sebagai pewaris kepimpinan negara kelak.

Justeru, golongan itu

perlu memanfaatkan ilmu pengetahuan ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara selain menjadi ejen perpaduan kepada ahli masyarakat khususnya golongan belia.

Pengarah Jabatan Penerangan Sabah, Almain Ajirul berkata demikian ketika

merasmikan Program Gemilang Siswa Pewaris Muda 1 Malaysia 2011 peringkat Sabah di Kolej Kediaman Indah Permai Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, pagi kelmarin.

Katanya, mahasiswa perlu mendokong

gagasan 1Malaysia sebagai tanda rasa cinta ke arah perpaduan dan kemakmuran negara demi merealisasikan negara bangsa yang aman dan maju menjelang tahun 2020 kelak.

"Maka itu, golongan berkenaan merupakan contoh terbaik dalam mempraktikkan gagasan 1Malaysia melalui nilai-nilai teras yang terdapat di dalam gagasan itu agar menjadi ikutan generasi muda di negara ini.

"Melalui program seperti ini, iaany menjadi landasan bagi golongan mahasiswa UMS yang rata-ratanya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dalam memupuk kefahaman yang lebih mendalam lagi mengenai gagasan 1Malaysia," katanya.

Tambah Almain, mereka juga perlu bijak menguasai dan



**ALBUM KENANGAN ... Para peserta bergambar kenangan dengan tetamu kehormat.**

menerima pelbagai maklumat melalui alat media baru seperti laman blog, Facebook, Twitter dan seumpamanya agar mereka tidak sewenang-wenangnya

dimanipulasi oleh golongan tertentu dengan sogokan maklumat-maklumat yang palsu dan memburuk-burukan kerajaan.

Program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Sabah dan UMS itu bertujuan menyemai dan meningkatkan semangat jati diri dan patriotik di kalangan mahasiswa di samping memantapkan lagi kefahaman tentang dasar kerajaan khususnya gagasan 1Malaysia.

Dua panel penceramah telah dijemput khas iaitu Pegawai Penerangan Bahagian Pantai Barat Utara, Supian Musa yang memberikan ceramah mengenai "Peranan



**TERIMA ... Dr. Piakong (kiri) menyerahkan cendera kenangan kepada salah seorang panel penceramah iaitu Encik Durahim.**

Pewaris Muda Dalam 1Malaysia" manakala tajuk "Rukun Negara Teraju Perpaduan Kebangsaan" telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan Daerah Kota Belud, Durahim Jaman.

Turut hadir, Pengetua Kolej Kediaman Indah Permai UMS, Profesor Madya Dr Piakong Mohd Tuah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Jabatan Penerangan Sabah, Materi Matussin serta para pemimpin pelajar dan mahasiswa UMS.